

**SULIT**



**UTHM**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
(LAIN-LAIN PENILAIAN SUMATIF)  
SEMESTER II  
SESI 2019/2020**

NAMA KURSUS : FALSAFAH PENDIDIKAN  
KOD KURSUS : BBD 10102  
KOD PROGRAM : BBA/BBB/BBC/BBD/BBE/BBF/BBG  
TARIKH PEPERIKSAAN : JULAI 2020  
JANGKA MASA : 48 JAM/ 2 HARI

**TERBUKA**

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI DUA (2) MUKA SURAT

**SULIT**

**ARAHAN SOALAN:**

Falsafah tradisional (idealisme dan realisme) dan falsafah moden (pragmatisme dan eksistensialisme) merupakan empat aliran asas falsafah yang diterapkan di dalam proses pendidikan di Malaysia. Melalui pembentangan secara video, tentukan dua aliran falsafah yang sesuai dengan personaliti diri anda sebagai seorang individu dan bagaimana anda dapat memanfaatkan falsafah tersebut untuk merancang kaedah pengajaran yang hendak anda terapkan di masa hadapan.

Kaedah penyampaian rakaman video:

1. Setiap pelajar dikehendaki menyediakan sebuah rakaman video bagi menjawab soalan di atas.
2. Video perlu menggunakan sepenuhnya Bahasa Melayu atau sepenuhnya Bahasa Inggeris.
3. Video mesti mempamerkan penyampaian asli oleh pelajar sendiri tanpa bantuan individu lain/alat/bahan pembentangan, sebarang suntingan dan penubacaan skrip dan dirakam secara berterusan dengan tempoh maksima dua (2) minit. Walau bagaimanapun, latar belakang video adalah bebas asalkan tidak mengganggu kualiti imej dan suara.
4. Video boleh menggunakan apa sahaja aplikasi yang dirasakan sesuai dengan format fail .mov sahaja. Video tersebut mestilah tidak melebihi 10MB, boleh dimuat naik ke Google Classroom dan boleh diakses oleh pensyarah tanpa perlu berkongsi link atau memuat turun sebarang aplikasi.
5. Video mesti dimuat naik pada tarikh yang ditentukan pensyarah.
6. Fail nama video yang dimuat naik mestilah menggunakan nama penuh pelajar (no matrik) seperti contoh Muhammad Bin Abdullah (GB1002020).
7. Pensyarah berhak untuk tidak menilai video yang dimuat naik sekiranya perkara 1-6 tidak dipenuhi.
8. Organisasi kandungan video adalah seperti berikut:
  - i. Pengenalan ringkas (nama, no matrik dan seksyen)
  - ii. Pemilihan aliran falsafah yang sesuai dengan personaliti diri
  - iii. Perancangan kaedah pengajaran mengikut pilihan aliran falsafah yang dipilih
9. Penilaian video adalah dari aspek kualiti dan persembahan video (suara, imej, gaya persembahan dan pengenalan) dan isi kandungan (pemilihan aliran falsafah, huraian dan justifikasi).

**-SOALAN TAMAT-**